

PM bentang ucapan dasar di forum FEER

KUALA LUMPUR 27 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan ekonomi antarabangsa bertemakan *Asia: Mengembalikan Kelebihan Daya Persaingan*, di sini pada 13 Disember ini.

Selain Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ib-

rahim yang juga Menteri Kewangan akan berucap di bawah tajuk *Mengukuhkan Kerajaan: Dasar Pensiwaan dan Terbuka*.

Persidangan ekonomi dua hari itu dianjurkan oleh majalah *Far Eastern Economic Review (FEER)* dan *The Events And Awards Managers Of Asia*.

Persidangan tersebut

disifatkan sebagai forum antarabangsa bagi mereka yang terbabit dalam aspek pengurusan untuk memperolehi idea-idea dan strategi baru dalam mengekalkan kelebihan daya saing dan berhadapan syarikat-syarikat antarabangsa.

Lain-lain pembentang kerja kerja termasuklah Pengarang dan Penerbit FEER, Gordon Crovitz,

penulis buku berjudul *Global Linkages*, Dr. Jeffrey Sachs dan pemimpin Parti Nam Thai, Dr. Amnuey Viravan.

Sachs yang akan membentangkan dua kertas kerja, antara lain menyentuh tentang kesan dasar awam ke atas kelebihan daya saing, pendidikan dan teknologi inovasi dan peraturan kewangan dan perbankan.

Selain daripada itu, persidangan itu akan membicarakan bagaimana syarikat-syarikat Asia boleh bersaing dengan syarikat multinasional, kesan teknologi ke atas daya saing, pembangunan teknologi-teknologi baru dan pembangunan golongan pengurus dengan kemahiran dan pengetahuan untuk bersaing.

Sebanyak 200 peserta dijangka menyertai persidangan tersebut.